



# SIARAN MEDIA

## *Media Release*

**INDEKS HARGA PENGGUNA**  
*Consumer Price Index*  
(Jan 2015=100)

**MEI 2023**  
**MAY 2023**



## INDEKS HARGA PENGGUNA

MEI 2023

### Bulan-ke-Bulan

Mei 23 | Apr 23

**0.3%**

### Tahun-ke-Tahun

Mei 23 | Mei 22

**0.8%**

### Bulan-ke-Bulan



### Tahun-ke-Tahun



### Tahun Asas (Jan 2015=100)



Bakul barang dan perkhidmatan IHP yang bernilai **BND100.00** pada bulan **Januari 2015** kini bernilai **BND106.68** pada bulan **Mei 2023**

### Penyumbang Utama

Tahun-ke-Tahun

#### Makanan

**2.8%**

##### Beras dan Bijirin



**5.6%**

##### Ikan dan Makanan Laut



**3.2%**

##### Daging



**3.0%**

#### Bukan Makanan

**0.3%**

##### Pakaian dan Kasut



**6.7%**

##### Restoran dan Hotel



**4.2%**

##### Rekreasi dan Kebudayaan



**2.2%**

### Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA**  
**MEI 2023**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAJUK UTAMA:**

**INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) BULAN-KE-BULAN MENUNJUKKAN SEDIKIT PENINGKATAN SEBANYAK 0.3 PERATUS BAGI MEI 2023**

1. Bagi bulan Mei 2023, Indeks Harga Pengguna (IHP) bulan-ke-bulan menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.3 peratus didorong oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan; dan harga Bukan Makanan masing-masing sebanyak 0.3 peratus.
2. Peningkatan bulan-ke-bulan bagi harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disumbangkan oleh Sayur-Sayuran (1.1 peratus); Ikan dan Makanan Laut (0.5 peratus); dan Daging (0.4 peratus). Peningkatan harga Sayur-Sayuran adalah disebabkan oleh kenaikan kos baja bagi pengeluaran lada hidup. Peningkatan harga Bukan Makanan disumbangkan oleh Pakaian dan Kasut (9.0 peratus); Pelbagai Barang dan Perkhidmatan (0.7 peratus); dan Rekreasi dan Kebudayaan (0.5 peratus).
3. Bagi perubahan tahun-ke-tahun, IHP meningkat sebanyak 0.8 peratus berbanding dengan bulan Mei 2022. Peningkatan ini adalah didorong oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan; dan Bukan Makanan masing-masing sebanyak 2.8 peratus dan 0.3 peratus.
4. Peningkatan tahun-ke-tahun bagi harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga seperti Beras dan Bijirin (5.6 peratus); Ikan dan Makanan Laut (3.2 peratus); dan Daging (3.0 peratus), antaralain didorong oleh kenaikan harga bahan-bahan mentah dan bekalan yang terhad.
5. Di samping itu, peningkatan harga Bukan Makanan pula adalah didorong oleh Pakaian dan Kasut (6.7 peratus); Restoran dan Hotel (4.2 peratus); dan Rekreasi dan Kebudayaan (2.2 peratus). Peningkatan harga Pakaian dan Kasut adalah selaras dengan kenaikan harga bahan pakaian. Di samping itu, kenaikan harga Restoran dan Hotel adalah berikutan peningkatan harga perkhidmatan katering berkontrak. Manakala, peningkatan Rekreasi dan Kebudayaan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga pakej percutian termasuk haji dan umrah.
6. IHP mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Mei 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



## CONSUMER PRICE INDEX

**MAY 2023**

### Month-on-Month

May 23 | Apr 23

**0.3%**

### Year-on-Year

May 23 | May 22

**0.8%**

### Month-on-Month



### Year-on-Year



### Base Year (Jan 2015=100)



The same CPI basket of goods and services worth **BND100.00** in **January 2015** is now worth **BND106.68** in **May 2023**

### Main Contributors

Year-on-Year

#### Food

**2.8%**

##### Rice and Cereals



**5.6%**

##### Fish and Seafood



**3.2%**

##### Meat



**3.0%**

#### Non-Food

**0.3%**

##### Clothing and Footwear



**6.7%**

##### Restaurants and Hotels



**4.2%**

##### Recreation and Culture



**2.2%**

### Notes

- CPI measures the average change of prices of a fixed basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-year means to compare prices with the same month in the previous year.



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**CONSUMER PRICE INDEX**  
**MAY 2023**  
**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**MAIN HEADLINE:**

**CONSUMER PRICE INDEX (CPI) RECORDED A MONTH-ON-MONTH INCREASE OF 0.3 PER CENT IN MAY 2023**

1. *In May 2023, the Consumer Price Index (CPI) recorded a month-on-month increase of 0.3 per cent, contributed by a 0.3 per cent increase in both Food and Non-Alcoholic Beverages prices; and Non-Food prices, respectively.*
2. *The month-on-month increase in Food and Non-Alcoholic Beverages prices was contributed by the prices of: Vegetables (1.1 per cent); Fish and Seafood (0.5 per cent); and Meat (0.4 per cent). The rise in Vegetables prices was due to the rising cost of fertiliser for producing chillies. The increase in Non-Food prices was attributed to Clothing and Footwear (9.0 per cent); Miscellaneous Goods and Services (0.7 per cent); and Recreation and Culture (0.5 per cent).*
3. *For year-on-year changes, the CPI increased by 0.8 per cent compared to May 2022. The rise was driven by an increase in the prices of Food and Non-Alcoholic Beverages; and Non-Food by 2.8 per cent and 0.3 per cent, respectively.*
4. *The year-on-year increase in Food and Non-Alcoholic Beverages prices was due to the rise in Rice and Cereals (5.6 per cent); Fish and Seafood (3.2 per cent); and Meat (3.0 per cent), among others driven by the rise in the prices of raw materials and limited supply.*
5. *The increase in Non-Food prices was driven by Clothing and Footwear (6.7 per cent); Restaurants and Hotels (4.2 per cent); and Recreation and Culture (2.2 per cent). The prices of Clothing and Footwear increased in line with the rise in clothing material prices. Whereas, Restaurants and Hotels prices rose following an increase in the price of contract catering services. Meanwhile, the prices of Recreation and Culture increased mainly due to the increase in prices of holiday including hajj and umrah packages.*
6. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for May 2023 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*